PENDAKWA RAYA

lwn.

THOO YEE THYE & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
PEH SWEE CHIN H
[RAYUAN JENAYAH NO. 41(51)-222-89; 41(51)-253-89]
27 MAC 1991

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Judi awam - Menggunakan kediaman sebagai rumah judi awam - Perlu mendapatkan waran untuk memasuki rumah kediaman atau kelab sosial - Akta Rumah Judi Awam 1953, s. 4(1)(b).*

Kedua-dua responden telah dituduh membenarkan kediaman mereka digunakan sebagai rumah judi awam, bertentangan dengan s. 4(1)(b) Akta Rumah Judi Awam 1953 (Akta berkenaan). Pertuduhan ini dijalankan selepas pihak polis membuat serbuan ke atas kediaman tersebut. Serbuan itu tidak dibuat di bawah mana-mana waran yang dikeluarkan di bawah Akta tersebut.

Responden telah mengaku salah dan telah dikenakan denda. Perayu tidak berpuashati dengan hukuman itu dan telah merayu ke Mahkamah Tinggi. Dengan menjalankan kuasa penyemakannya, Mahkamah Tinggi telah membatalkan sabitan dan hukuman denda itu dan membuat perintah supaya responden dilepaskan tanpa terjumlah pada pembebasan.

Diputuskan:
[1] Judi itu dengan sendirinya tidak menjadi satu kesalahan kecuali jika ia dilakukan di suatu tempat awam atau di sebuah rumah judi awam, atau tuan rumah kediaman itu membenarkan rumahnya digunakan sebagai rumah judi awam dan sebagainya.

[2] Sebuah rumah kediaman tidak menjadi sebuah rumah judi awam sungguhpun perjudian biasa berlaku di dalamnya ataupun tuan rumah menjemput kawan-kawannya berjudi di situ. Sebuah kelab sosial juga tidak menjadi sebuah rumah judi awam hanya kerana terdapat kemudahan-kemudahan disediakan untuk berjudi di situ.

[3] Jika sebuah rumah dimasuki ekoran dari waran dikeluarkan di bawah Akta tersebut dan jika barang-barang berjudi didapati, suatu anggapan statutori terbit bahawa rumah kediaman atau kelab sosial itu adalah sebuah rumah judi awam, dan dengan itu seorang tertuduh dikehendaki mematahkan anggapan itu.

[4] Sungguhpun sebuah rumah kediaman atau kelab sosial digunakan untuk berjudi, ia tidak menjadi suatu kesalahan kerana tempat-tempat tersebut bukan "primarily" atau terutamanya tempat perjudian seperti kasino, kelab lawan kuda, kedai Sport Toto atau Magnum. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna pihak polis tidak boleh bertindak terhadap rumah kediaman atau kelab sosial tersebut. Apa yang perlu dibuat ialah untuk mendapatkan waran di bawah Akta tersebut untuk memasuki tempat-tempat itu.

[Rayuan ditolak.]

Kes yang dirujuk:
R lwn. Fong Chong Cheng [1930] SSLR 139 ***(diikuti)***
R lwn. Li Kim Poat & Anor. [1933] MLJ 164 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Common Gaming House Act 1953, ss. 2, 4(1)(b), 19

Bagi pihak Pendakwa Raya - Murtazadi bin Amran; Timbalan Pendakwa Raya.
Bagi pihak Responden-Responden - Hadir tanpa diwakili peguam.

PENGHAKIMAN

Peh Swee Chin H:

Di kedua-dua kes tersebut di atas (rayuan-rayuan jenayah), di mana Timbalan Pendakwa Raya merayu atas alasan bahawa hukuman denda masing-masing ekoran dari pengakuan salah di kedua-dua kes itu, adalah tidak mencukupi, saya telah menjalankan kuasa yang ada pada saya dengan menyemak kes-kes itu sebaliknya, dengan menggantikan sabitan-sabitan dan hukuman-hukuman denda dengan perintah membatalkan sabitan-sabitan dan hukuman-hukuman denda itu dan membuat suatu perintah tambahan dalam kes-kes itu bahawa tertuduh-tertuduh yang berkenaan dilepaskan tanpa terjumlah pada pembebasan. Saya pun telah memberi alasan-alasan keputusan saya secara lisan, dan berjanji saya akan menghantar kepada Timbalan Pendakwa Raya alasan-alasan penghakiman bertulis yang lebih lengkap.

Di kes-kes di atas, tertuduh masing-masing dituduh membenarkan rumah kediaman masing-masing digunakan sebagai rumah judi awam (common gaming house) di bawah s. 4(1)(b), Akta Rumah Judi Awam, 1953, (nama Akta disebut sebagai "Akta Rumah Perjudian Am" dalam suatu kes sini dan di lain, sebagai "Undang-undang Tempat Main Judi", sedangkan kedua-dua nama itu merujuk pada Akta yang sama, iaitu Rumah Judi Awam 1953, terjemahan saya buat sementara untuk "Common Gaming House Act 1953" yang kemudian dari ini dipanggil sebagai "Akta tersebut".

Fakta-fakta kes menunjukkan orang-orang didapati berjudi dalam rumah kediaman masing-masing sesudah rumah kediaman diserbu masing-masing oleh polis. Yang mustahak sekali, serbuan-serbuan polis itu bukanlah adalah akibat dari waran-waran yang dikeluarkan di bawah seksyen-seksyen tertentu di bawah Akta tersebut. Kesimpulan ini dapat diperolehi dari nota-nota keterangan dan juga daripada Timbalan Pendakwa Raya apabila beliau ditanya tentang ini.

Pada pendapat saya, fakta-fakta kes masing-masing tidak menunjukkan suatu kes *prima facie* atau suatu kes yang terjumlah pada suatu kesalahan di bawah s. 4(1)(b), Akta itu.

Pada pendapat saya, judi atau perjudian dengan sendirinya tidak menjadi suatu kesalahan dari segi undang-undang KECUALI JIKALAU ia dilakukan di suatu tempat awam (in a public place); atau di sebuah rumah judi awam (in a common gaming house); atau tuan rumah kediaman membenarkan rumahnya digunakan sebagai rumah judi awam dan sebagainya.

Semua pihak sedia maklum tentang makna kata-kata: "di suatu tempat awam", tetapi berkenaan dengan kata-kata "di sebuah rumah judi awam", ia memang mendatangkan kekeliruan sungguhpun terdapat suatu seksyen dalam Akta tersebut yang memberi definisinya, iaitu s. 2 yang berbunyi kini, sesudah pindaan tertentu:

Seksyen 2:

> ... "common gaming house" includes:
>
> (a) any place kept or used for gaming to which the public or any class of the public has or may have access;
>
> (b) any place kept for habitual gaming, whether the public or any class of the public has or may have access to it or not;
>
> (c) any place kept or used for the purpose of a public lottery;
>
> (d) any place (including a place which is owned, occupied, possessed, kept, used, or maintained by any society or any other organisation, body or groups of persons whether or not such society, organisation, body or group is established by or under any law):

(i) where eight or more persons are gaming;

(ii) where any bankers' game is being played; or

(iii) where gaming is played and for which payment is made by any person to any society, organisation, body or group of persons of any other person as consideration for permitting gaming in such place;

Untuk memahami penjelasan saya kemudian dari ini, definisi tersebut di atas dibandingkan dengan definisi yang berlainan sedikit seperti di bawah:-

> Common gaming house" includes any place kept or used for gaming to which the public or any class of the public has or may have access, and any place kept for habitual gaming, whether the public or any class of the public has or may have access thereto or not, and any place kept or used for the purpose of a public lottery.

Definisi yang kedua itu ditaksirkan oleh Mahkamah Tinggi dalam suatu kes yang paling terkemuka iaitu *R v. Fong Chong Cheng*, [1930] SSLR 139. Saya mengulangi suatu petikan dari penghakiman bertulisnya seperti di bawah:

> It has first to be observed that in this Colony it is not illegal to play games of chance for money. But it is illegal to keep a common gaming house or to game in it, and a common gaming house is either a place to which the general public are able to resort for the purpose of gaming, or a place which, though barred to the public, is kept or used by the owners or occupiers primarily for the purpose of gaming. I say 'primarily' because I think it is clear that a place does not become a common gaming house merely because gaming habitually occurs in it. A private residence is not a common gaming house because the owner makes a practice of inviting his friends to it to gamble. Nor in my opinion do the premises of an ordinary social club become a common gaming house merely because the club provides facilities for its members to gamble, and some of them habitually use the premises for that purpose.
>
> If that were so, no club whose primary object is social intercourse, or sport of any description, would be within the law if it habitually permitted any of its members to gamble on its premises and provided facilities for that purpose. In my opinion the mischief which the law is designed to prevent is the encouragement of gambling by the use of premises either for public gambling, or for the special purpose of a gambling saloon.
>
> Notwithstanding this, the law has placed in the hands of the Crown a very powerful weapon to assist it in the supression of illegal gambling. That weapon is s. 14 of the Common Gaming Houses Ordinance (s. 19 of the Federation Ordinance). The effect of the section is that it places on any person whose premises are entered under the Ordinance, and found to contain instruments of gaming, the burden of proving that those premises are not a common gaming house within the meaning of the law.
>
> Now it is clear that the section breaks in upon the general rule that a person accused of an offence is presumed to be innocent until his guilt is established by the evidence of the prosecution.
>
> It places on him the burden of proving his innocence, as soon as certain facts have been established which draw some suspicion upon him.
>
> It is clear, therefore, that any evidence given to rebut the presumption merits the careful consideration of the Court, and ought not to be lightly disregarded.

Kes ini memutuskan bahawa sebuah rumah kediaman tidak menjadi sebuah rumah judi awam sungguhpun perjudian "habitually" atau terbiasanya atau lazimnya berlaku di dalamnya atau pun tuan rumah menjemput kawan-kawannya berjudi dalamnya terbiasanya. Sebuah kelab sosial tidak menjadi sebuah rumah judi awam hanya kerana terdapat kemudahan-kemudahan disediakan untuk berjudi dengan orang-orang (ahli-ahli) berjudi di sana terbiasanya. Y.A.

Hakim Stevens dalam kes ini dengan lanjut memutuskan bahawa jikalau sebuah rumah kediaman atau kelab sosial dimasuki ekoran dari waran yang dikeluarkan di bawah Ordinan itu, (ia itu Akta tersebut), dan di bawah s. 14 dahulu (sekarang s. 19 di bawah Akta tersebut), dan jikalau barang-barang judi didapati, suatu anggapan statutori terbit bahawa rumah kediaman atau kelab sosial itu adalah sebuah rumah judi awam. Kemudian, seorang tertuduh dikehendaki mematahkan anggapan itu.

Keputusan Y.A. Stevens telah disahkan oleh ketiga-tiga Hakim, dalam kes yang lain, iaitu *R v. Li Kim Poat* (Murison, Hakim Besar, Hakim Terrell dan Hakim Whitley), sungguhpun kes di sana melibatkan "Common Betting House Ordinance" dan bukan "Common Gaming House Ordinance" sebagaimana yang terdapat dalam kes *Fong Chong Cheng* tersebut di atas.

Sayugia diingat bahawa sungguhpun sebuah rumah kediaman atau kelab sosial tersebut di atas digunakan untuk berjudi, terbiasanya (habitually) oleh "any class of public" atau sebarang kumpulan daripada orang ramai dan memang kawan-kawan yang dijemput berjudi di rumah atau ahli-ahli kelab yang berjudi di kelab sosial itu adalah "any class of public", dan sungguhpun semua ini adalah cocok dengan definisi sebagaimana yang terkandung dalam undang-undang yang berkenaan namun kesemua ini tidak menjadi suatu kesalahan kerana tempat-tempat ini bukan "primarily" atau terutamanya dijadikan tempat judi seperti kasino di Genting Highlands, kelab lawan kuda, kedai-kedai Sport Toto atau Magnum di negara kita, dan prinsip bahawa judi dengan sendirinya bukanlah menjadi suatu kesalahan telah selalu diberi ketegasan selalu untuk setidak-tidaknya hiburan dan mengisi masa lapang manusia yang tidak terpaksa pergi ke kedai-kedai judi atau kasino, taakulan ini adalah sama untuk semua peruntukan di dalam s. 2 Akta tersebut, termasuk s. 2(d) yang telah ditekankan oleh Timbalan Pendakwa Raya di hadapan saya.

Keputusan Y.A. Hakim Stevens bukan bermakna bahawa tidak ada harapan lagi untuk polis bertindak terhadap rumah kediaman atau kelab sosial jikalau judi berlaku di sana terbiasanya, mudahnya jawapan itu; apa salahnya dapat waran di bawah Akta itu untuk memasuki tempat-tempat itu, menerbitkan berbagai-bagai anggapan-anggapan statutori termasuk anggapan bahawa tempat yang dimasuki ekoran daripada waran itu adalah sebuah rumah judi awam, dan suatu kes *prima facie* di bawah s. 4(1)(b) atau seksyen lain membabitkan "rumah judi awam" dengan mudahnya dibuktikan.

Oleh kerana *ratio decidendi* dari kes *Fong Chong Cheng* dan waran-waran yang boleh dikeluarkan, menerbitkan berbagai-bagai anggapan-anggapan statutori, isi kandung definisi (iaitu S. 2 Akta tersebut) boleh mula dipakai sesudah pembelaan dipanggil daripada seorang tertuduh. Caranya dipakai dan ditimbang adalah tertakluk kepada seorang Majistret, dan tempat ini sekarang bukan untuk memberi pendapat lebih lanjut atas persoalan ini.

Oleh kerana pendapat-pendapat tersebut di atas, dalam kedua-dua kes, faktor-faktor kes yang dikemukakan oleh pihak pendakwa tidak terjumlah pada suatu kesalahan dan tertuduh-tertuduh dilepaskan tanpa terjumlah pada pembebasan.

Pendangan saya ialah keputusan dalam *Fong Chong Cheng* adalah sangat bijaksana. Kebanyakan permainan ciptaan manusia terdiri dari dua unsur, iaitu kemahiran atau "skill" dan "chance" atau permainan itu boleh jalan dengan cara atau sebab yang tidak boleh diduga. Dari segi undang-undang, dengan adanya 2 unsur itu, permainan itu pun menjadi judi. Cuma permainan yang tergantung semata-mata pada kemahiran bukanlah menjadi judi. Barangkali, permainan catur boleh memasuki kategori ini, dan berapa banyak dapat memain itu?

Also found at [1991] 3 CLJ 2830